

# 17 graduan tajaan Sime Darby terima diploma

**S**ERDANG: Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32 sesi ketiga, semalam menyaksikan kumpulan pertama pelajar tajaan Sime Darby Plantation Sdn Bhd tamat pengajian dan memperoleh diploma pertanian pengkhususan dalam perladangan.

Bagaimanapun, 17 graduan termasuk empat perempuan, adalah kumpulan kedua kelahiran konglomerat tersohor terbabit selepas kumpulan pertama di bawah nama Golden Hope Plantations, kini gabungan entiti Sime Darby selain Guthrie Plantations.

Naib Presiden, Pembangunan Sumber Manusia (Program Pendidikan), Sime Darby Plantation, Ahmad Fer Rouse Ahmad Khairuddin, berkata program diploma pertanian pengkhususan bidang perladangan itu diadakan dengan kerjasama UPM.

Katanya, ia diperkenalkan sejak 2005 untuk melatih pelajar pertanian mahir sektor perladangan sekali gus diserap sebagai tenaga kerja Sime Darby dan bekerja di mana-mana 200 ladang milik



**TERPILIH...Ahmad Fer (tengah) bergambar bersama 17 graduan Diploma Pertanian UPM.**

syarikat.

“Setakat ini kami pilih pelajar pertanian yang minat bidang perladangan dan layak berdasarkan kriteria ditetapkan, tidak hanya cemerlang akademik tetapi berkebolehan menguruskan pelbagai perkara berkaitan bidang ini.

“Mereka berkelayakan perlu melepasi saringan tiga peringkat selepas lulus penilaian dibuat universiti kerana Sime Darby mahukan pelapis terbaik yang bijak mengurus tadbir ladang syarikat,” katanya.

Ahmad Fer Rouse berkata, program akademik tiga tahun itu menekankan gabungan teori dan latihan praktikal dengan tahun pertama dilaksanakan di UPM, manakala berikutnya dijalankan sepenuhnya di Akademi Sime Darby Plantation di Pulau Carey.

Menurutnya, setakat ini sambutan diterima sangat menggalakkan apabila semakin ramai pelajar berminat menyertai diploma usahasma berkenaan sama ada di kalangan penuntut lelaki mahupun perempuan.